

**ZIKRAYATI:  
YANG BERHORMAT  
PEHIN DATU SERI MAHARAJA  
DATO PADUKA SERI SETIA  
DR. USTAZ HAJI AWANG ABDUL  
AZIZ BIN JUNED  
TOKOH YANG SAYA KENALI**

**Dato Paduka Dr. Haji Muhammad Nur Lubis**

UNISSA Press  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
Negara Brunei Darussalam  
1437H/2016M

**Penerbit:**

UNISSA Press

Pusat Penyelidikan dan Penerbitan  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
Simpang 347, Jalan Pasar Baharu  
BE1310, Gadong  
Negara Brunei Darussalam  
Tel: +673 2462000 ext. 332  
Laman Web: [www.unissa.edu.bn](http://www.unissa.edu.bn)

© Jabatan Mufti Kerajaan, 2016

Cetakan Pertama 2016

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Mufti Kerajaan dan Penerbit Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam.

ISBN 978-99917-82-12-6 (Kulit Lembut)  
ISBN 978-99917-82-13-3 (Kulit Keras)

**Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei  
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan**

MUHAMMAD Nur Lubis, Dr. Haji

Zikravati : Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned tokoh yang saya kenali / Dato Paduka Dr. Haji Muhammad Nur Lubis. -- Bandar Seri Begawan : UNISSA Press, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, 2016.

p. cm

ISBN 978-99917-82-12-6 (Kulit Lembut)

ISBN 978-99917-82-13-3 (Kulit Keras)

1. Scholar--Islam--Biography 2. Ulama--Brunei Darussalam--Biography 3. Islam--(Brunei Darussalam)--Biography 4. Muslims--Biography I. Title

297.61095955 MUH (DDC 23)

**Penyelaras penerbitan, hiasan kulit,**

**Set taip dan reka letak oleh:**

Bahagian Penerbitan dan Penerangan

Jabatan Mufti Kerajaan

**Dicetak Oleh:**

Syarikat Percetakan Asia

Negara Brunei Darussalam

## ISI KANDUNGAN

Dari Penerbit .....	xvii
Seuntai Kata .....	xix
Panduan Huruf Transliterasi .....	xxi
Pembuka Kata .....	1

### Bahagian Pertama

#### BIODATA DAN SEJARAH HIDUP

<b>1.1 PENGERTIAN BIODATA DAN SEJARAH HIDUP .....</b>	<b>24</b>
Pendapat Yang Berhormat Pehin Mufti Mengenai Kepentingan Penulisan Sejarah Hidup .....	28
<b>1.2 PERIBADI DAN KELUARGA YANG BERHORMAT PEHIN MUFTI .....</b>	<b>36</b>
Nama.....	36
Gelaran.....	36
Nama Samaran.....	37
Tarikh dan Tempat Lahir.....	37
Ayah Bonda .....	37
Adik-beradik.....	38
Keluarga.....	38
Anak-anak Kandung.....	39
Anak-anak Angkat.....	39
Pendidikan .....	39
Kerjaya.....	40
Penghargaan.....	41
a. Gelaran Kebesaran .....	46
b. Bintang Kebesaran dan Pingat Kehormatan .....	47
c. Anugerah .....	47
d. Keahlian .....	48
e. Undangan dan Pembentangan Kertas Kerja .....	51

---

<b>1.3 KEHIDUPAN DAN PENGALAMAN .....</b>	<b>53</b>
Belajar Al-Qur'an Dengan Air Mata dan Mengangkut Air .....	53
Suka Mendengar Syair Ibu .....	57
Aktiviti Permainan Semasa Kecil.....	58
Suka Membaca dan Pertumbuhannya .....	60
Membaca Kitab Dengan Maulana Abdullah.....	66
Riwayat Hidup Menerusi Sajak Dan Puisi (Idolaku dan Memori Di Atas Pentas Konvokesyen) .....	68
Kehidupan Macam Orang Menyelam .....	78
Suka Berdikari Dan Ringan Tulang .....	81
Kurang Tidur Kerana Bekerja .....	84
Membawa Kerja Ke Rumah .....	86
Aktiviti Keilmuan .....	88
Pengalaman Berceramah .....	89
“Saya Tak Pernah Merajuk” .....	91
Beraya Fitrah Di Perlis .....	99
“Kami Berdialog Dengan Allah Ta‘ala” .....	101
“Saya Kunci Mulut Rapat-rapat” .....	106
“Jangan Tah Tangisi Anakmu Atu. Biar Tia Dia Terus Belajar. Dia Kan Jadi Mufti Nanti” .....	109
<b>1.4 PERKAHWINAN .....</b>	<b>113</b>
Berkongsi Hidup Dengan Datin Hajjah Maznah binti Haji Muhammad .....	114
Sejarah Pertemuan .....	114
Pemikat .....	117
“Tak Ada Orangkah Nak Masuk?” .....	118
Hanya Memandang Keikhlasan.....	120
Sebab Berkahwin Di Mesir .....	120
Terpaksa Belajar Bersungguh-sungguh.....	122
Beroleh Isteri Yang Shalihah.....	124
Kelahiran .....	125
Kuat Agama .....	125
a. Latar Belakang Pendidikan .....	126
Belajar Al-Qur'an .....	126
Belajar Secara Formal.....	127
Ketaatan Dan Kesungguhan Belajar .....	129

---

Gara-gara Takut Lintah .....	130
b. Setia Membantu Suami .....	131
Mendo'akan Yang Berhormat Pehin Mufti .....	133
c. Mendidik Anak-anak .....	134
Perkahwinan Yang Sekufu .....	136
Sudut-sudut Persamaan Yang Berhormat Pehin Mufti dan Datin .....	139
1. Daripada Keluarga Yang Susah .....	139
2. Suka Al-Qur'an .....	140
3. Belajar, Alim dan Saling Bekerjasama .....	141
4. Tabah .....	143
5. Menjaga Tidur (Suami Menjaga Tidur Isteri dan Isteri Pula Menjaga Tidur Suami) .....	143
<b>1.5 KEHIDUPAN ANAK-ANAK .....</b>	<b>146</b>
Hasrat Awal .....	148
1. Dayang Zulfa binti Abdul Rahman .....	149
Nama dan Tarikh Lahir .....	149
Pendidikan .....	149
Dalam Negeri .....	150
Luar Negeri .....	151
Kerjaya .....	151
Rumah Tangga .....	151
Kenangan Manis Bersama Yang Berhormat Pehin Mufti dan Nasihatnya .....	152
Layanan .....	154
Sama Rata .....	155
2. Dr. Haji Muhammad Majdi bin Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz .....	156
Nama dan Tarikh Lahir .....	156
Pendidikan .....	156
Kerjaya .....	157
Rumah Tangga .....	157
Kenangan Manis Bersama Yang Berhormat Pehin Mufti dan Nasihatnya .....	159

3.	Muhammad Izzat bin Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz .....	163
4.	Dr. Hajjah Hanan binti Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz .....	164
	Nama dan Tarikh Lahir .....	164
	Pendidikan dan Kerjaya .....	164
	Rumah Tangga .....	166
	Pandangan, Kenangan Manis dan Nasihat .....	166
5.	Awang Muhammad Izzat bin Abidin.....	167
	Tarikh Lahir .....	167
	Pemberian Nama .....	168
	Pendidikan.....	168
	Nukilan Daripada Jambatan Ke Akhirat .....	169
	Pahala Sabar .....	181
	Meninggal Dalam Menuntut.....	182
	<i>Syahid</i> Akhirat .....	189
	Mengingatkan Semula Nasihat Dan Pesanan Kepada Anak-anak.....	192
	Ulasan Yang Berhormat Pehin Mufti dan Datin .....	194
	Tetaplah Membaca Zikir .....	194
	Bermu'amalah Dengan Al-Qur'an .....	195
	Membaca Surah Al-Wâqi'ah, Tabârak dan Yâsîn.....	196
	Jangan Sama Sekali Berhutang .....	197
	"Ke Mana Tumpahnya Kuah Kalau Bukan Ke Nasi" Dan "Bagaimana Acuan, Begitulah Kuihnya" .....	201
<b>1.6</b>	<b>Tiga Orang Menantu .....</b>	<b>214</b>
1.	Ustaz Haji Dennie bin Haji Abdullah .....	215
	Nama dan Tarikh Lahir .....	215
	Pendidikan dan Kelulusan.....	215
	Dalam Negeri .....	215
	Luar Negeri .....	216
	Kerjaya .....	217
	Kenangan Abadi .....	218
	Masuk Dalam Kekeluargaan Kitab dan Ulama .....	219
2.	Dayang Hajjah Rozana binti Haji Zainuddin.....	221
	Data-data Pendidikan .....	222

---

Pengalaman .....	222
Aktiviti Sampingan .....	223
Mengenang Pesan dan Nasihat .....	223
3. Ustaz Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman .....	225
Nama dan Tarikh Lahir .....	225
Pendidikan .....	226
Kerjaya .....	227
Aktiviti Keilmuan .....	227
Layanan dan Nasihat .....	228
Kenangan Manis .....	229
Pandangan dan Ihsan .....	230
Seorang Suami Yang Beruntung .....	231
Keluarga Ahli Ilmu dan Ibadah .....	232
<b>1.7 Perkenalan Awal .....</b>	<b>234</b>
Berhari Raya .....	237
<b>1.8 Penubuhan Jabatan Mufti Kerajaan .....</b>	<b>240</b>
Dilantik Pegawai Jabatan Mufti Kerajaan .....	243
Bermimpi Bertemu Bekas Mufti .....	245
<b>1.9 Pengajaran Dari Sebalik Pelantikan Sebagai Mufti Kerajaan Brunei Darussalam .....</b>	<b>251</b>
Pertama: Khabar dan Andaian-andaian Orang Yang Akan Mengisi Jawatan Mufti Kerajaan .....	254
Kedua: Tidak Pernah Menyangka dan Membayangkan .....	256
Pengajaran .....	258

## Bahagian Kedua

### TOKOH YANG SAYA KENALI

<b>2.1 Seorang Yang Sibuk .....</b>	<b>265</b>
Kulliah Mengenai Kesibukan .....	267
Lari-lari Anak .....	269

---

Tidak Balik Tengah Hari .....	270
“Saya Terus Saja Sibuk” .....	271
Kasut Jadi Alamat .....	272
Orang Tidak Tahu.....	274
Tidak Suka Berpangku Tangan .....	274
Kesan Kepada Amin Ser .....	276
<i>Masa</i> .....	280
<b>2.2 RAJIN DAN CERGAS</b> .....	281
Apa Makna Rajin? .....	282
Rajin Ke Pejabat .....	286
Dari Luar Negeri Terus Ke Pejabat .....	289
Rajin Membaca .....	291
Cerita Orang Yang Banyak Membaca.....	294
Rajin Menulis .....	296
Hasil Penulisan .....	300
Tidak Tinggal Pen .....	304
Menulis Dalam Kapal Terbang .....	305
Menulis Di Atas Bot.....	306
Kertas Kerja dan Ucaptama.....	309
Tidak Cukup Masa.....	313
<i>3 Amal Pahalanya Terus Mencurah</i> .....	317
<b>2.3 MENGAMALKAN BASMALAH DAN WUDHU’</b> .....	318
Berkat.....	320
<i>Basmalah</i> .....	326
<b>2.4 MENCINTAI AL-QUR’AN AL-KARIM</b> .....	327
Al-Qur’an dan <i>Mush<h>haf</h></i> nya .....	327
Tidak Lekang Daripada <i>Mush<h>haf</h></i> .....	330
Membawa dan Membaca <i>Mush<h>haf</h></i> Al-Qur’an Ketika Ke Luar Negeri .....	333
Teks Catatan Tangan .....	340
Hadiyah Perkahwinan.....	342
Contoh Teks Catatan .....	343
Berdialog Dengan Allah Ta‘ala .....	350
<i>Pencinta Al-Qur'an</i> .....	353

---

<b>2.5 Mencintai Perubatan Kenabian dan Menyukai Perubatan Alami.....</b>	354
Penulisan Perubatan.....	357
Ceramah Perubatan.....	360
Banyak Menghafaz Do'a dan Zikir Penawar .....	361
Membacakan Ayat, Zikir dan Do'a Kepada Air .....	363
Menawari Penyakit .....	365
Menyuruh Membaca <i>Istighfâr</i> .....	365
Mencadangkan Membaca Surah Yâsîn dan Bercelak Madu....	368
Saranan Yang Berhormat Pehin .....	371
Berubat Dengan Memandang Daun Hijau .....	374
Suka Mengguna <i>Habbah Sawda'</i> .....	377
Suka Menggunakan Madu .....	379
Berubat Dengan Daging Kambing Yang Polos.....	382
Suka Buah dan Sayur-sayuran .....	387
Mengajarkan Petua Penawar Sakit Belakang .....	388
Gatal dan Sakit Telinga: Jangan Korek .....	390
<i>Penyembuh Mutlak</i> .....	395
<b>2.6 Pengasihan dan Penyayang .....</b>	396
Kasih Sayang Terhadap Isteri.....	400
Miau Anak Kucing Temburong Menjemput Kasih Sayang ....	403
<i>Pengasihan dan Penyayang</i> .....	406
<b>2.7 Suka Menolong dan Murah Hati .....</b>	407
i. Membantu Melunaskan Tunggakan Bayaran Rumah .....	412
ii. Membantu Penuntut Universiti .....	414
iii. Menyelamatkan Kereta Orang .....	415
iv. Membantu Membuat Pembayaran Jamuan/Hadiah.....	415
v. Hutang: Tak Payahlah Tulis .....	416
vi. Membayar Makanan.....	417
vii. Membayar Lebih .....	418
viii. Ihsan Jamuan Perkahwinan .....	419
ix. Membeli Buku Sendiri Untuk Hadiah.....	420
x. Menggunakan Dakwat dan Kertas Sendiri .....	421
xi. Membantu Penerbitan Buku-buku Jabatan Mufti Kerajaan .....	422

---

xii.	Mengusahakan Kesembuhan Penyakit Anak Pegawai Jabatan Mufti Kerajaan.....	423
	Mereka Gembira .....	424
	<i>Dermawan</i> .....	426
2.8	<b>Senyum Selalu</b> .....	427
	<i>Senyuman</i> .....	432
2.9	<b>Tawâdhu'</b> .....	433
i.	Semasa Berjalan .....	434
ii.	Sentiasa Menunduk Dan Melihat Ke Hadapan .....	436
iii.	Tradisi Lama .....	438
iv.	Berjalan Tanpa Kasut.....	439
v.	Segera Memulakan Ucapan Salam.....	441
vi.	Meminta Dido'akan.....	443
vii.	Suka Menyorokkan Kebaikan .....	450
	<i>Tawâdhu'</i> .....	455
2.10	<b>Beberapa Pandangan Terhadap Yang Berhormat Pehin Mufti</b> .....	456
1.	Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.....	461
2.	Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohammad Jamil Al Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar .....	463
3.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar .....	466
4.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad ..	473
5.	Yang Mulia Awang Haji Rais bin Haji Sabtu.....	479
6.	Yang Mulia Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Malayong .....	481
7.	Yang Mulia Dr. Arif Kurkhi Abu Khudhairi .....	483

8. Yang Mulia Dato Paduka Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah.....	485
9. Yang Mulia Dato Paduka Haji Muhammad bin Abd Latif.....	487
10. Yang Mulia Haji Alias bin Pengarah Haji Jalil .....	489
11. Yang Mulia Hajjah Puspa binti Haji Serudin .....	493
12. Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor..... <i>Pujian dan Sanjungan</i> .....	500 505
<b>2.11 ANALISIS POLA PEMIKIRAN DAN PERSEMPAHANNYA .....</b>	<b>506</b>
Dibentuk Oleh Ilmu dan Pengalaman .....	507
Mempersembahkan Buah Fikiran .....	508
Dasar Analisis Pola Pemikiran .....	510
Penyerahan Sepenuhnya Kepada Allah Ta‘ala .....	511
Terbuka Tetapi Kritis .....	517
Kepastian .....	521
Kreatif dan Suka Kepada Yang Baharu .....	526
<i>Do ‘a</i> .....	532

# Dari Penerbit

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، سيدنا  
محمد وعلى آله وصحبه أجمعين، أما بعد.

Segala puji bagi Allah *Subhānahu wata ūla*, Pencipta, Pentadbir dan Pemerintah sekalian alam. Selawat dan salam atas Junjungan Besar Nabi Muhammad *Şallallahu 'alaihi wasallam*, ahli keluarga Baginda dan para sahabat serta sekalian pengikut Baginda yang berjuang di sepanjang zaman. Alhamdulillah atas segala rahmatNya dan kurniaNya, buku bertajuk “*Zikrayati: Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Tokoh Yang Saya Kenali*” dapat diterbitkan.

Buku “*Zikrayati: Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Tokoh Yang Saya Kenali*” merupakan sebahagian daripada sejarah hidup Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned yang boleh dijadikan rujukan dan pengajaran kepada pembaca.

Pada kesempatan ini, sekalung penghargaan dan terima kasih kepada seluruh pihak yang telah berusaha membantu dalam menjayakan penerbitan buku yang sangat bermanfaat ini terutama

daripada pihak Jabatan Mufti Kerajaan dan pihak Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam. Semoga Allah *Subhānahu wata ūla jua* yang akan membalaunya dengan sebaik-sebaik ganjarannya. Aamin Ya Rabbal ‘Alamin’.

Sekian. Wassallam.

**DR HAJI NORARFAN BIN HAJI ZAINAL**

*Rektor*

*Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)*  
*Brunei Darussalam*

## SEUNTAI KATA



الْحَمْدُ لِلّٰهِ وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى رَسُولِ اللّٰهِ وَعَلٰى آلِهٖ وَصَحْبِهِ وَوَالاَةٌ  
آمَّا بَعْدُ

Tanpa angin tanpa asap dan malah sama sekali saya tidaklah menyangka buku “ZIKRAYATI” ini akan lahir ditulis oleh Yang Mulia Dato Paduka Dr Haji Muhammad Nur Lubis bin Abdul Razak.

Saya hanya mendapat tahu apabila buku ini sudah siap dan penulis sendiri telah menemui saya untuk meminta kebenaran ianya akan diterbitkan oleh beliau.

Saya agak terkejut apabila melihat *dummy* buku ini mengandungi lebih daripada 500 muka surat.

“Tebal juga ...”, kata saya.

“Sebahagian besarnya bersumber daripada catatan-catatan yang kaola buat sejak dari mula mengenali Pehin lagi,” terang Dato Dr Haji Muhammad Nur.

Maknanya penulis ini telah mengikuti *kalibat* saya semenjak dari bertahun-tahun tanpa saya sendiri menyadarinya, dan mungkin juga apa-apa yang telah beliau catat mengenai diri saya itu, ada yang saya sudah tidak ingat lagi. Ini menjadikan saya ingin untuk membacanya.

Saya berkewajipan mengucapkan terima kasih kepada Dato Dr Haji Muhammad Nur Lubis di atas ingatan beliau merakamkan detik-detik suka-duka saya, sekurang-kurangnya ia mungkin berguna untuk anak-anak dan cucu cicit saya di kemudian hari. *Jazakallahku khaira.*

1437  
*Brunei Darussalam* \_\_\_\_\_  
2015

*Pehin Datu Seri Maharaja Dato Dr Haji Abdul Aziz Juned*

## PANDUAN HURUF TRANSLITERASI

Dalam buku ini terdapat beberapa perkataan daripada bahasa Arab. Sebagai panduan kepada pembaca, kaedah penggunaan huruf transliterasi yang dimuatkan dalam buku ini adalah seperti berikut:

HURUF ARAB	HURUF LATIN	HURUF ARAB	HURUF LATIN
ا	a	ط	th
ب	b	ظ	zh
ت	t	ع	,
ث	ts	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	h	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dz	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w/u
س	s	ه	h
ش	sy	ء	,
ص	sh	ي	y
ض	dh		

### Huruf-huruf mad

ا	â	ي	î
و	û		

## PEMBUKA KATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ  
دَرَجَاتٍ ،<sup>۱</sup> وَالْقَائِلِ: لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِأُولَئِكَ الْأَلْبَابِ ،<sup>۲</sup>  
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ الْقَائِلِ : وَإِنَّ فَضْلَ  
الْعَالَمِ عَلَى الْعَابِدِ كَفَضْلُ الْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ عَلَى سَائِرِ الْكَوَاكِبِ ، وَإِنَّ  
الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ ،<sup>۳</sup> وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ أَجْمَعِينَ.

## SERIBU SATU PAYAH DICARI ORANG SEPERTI YANG BERHORMAT PEHIN MUFTI INI

Tajuk di atas penulis pinjam daripada kata-kata seorang teman lama Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned semasa belajar di Kolej Islam Malaya Klang, Malaysia.<sup>۴</sup> Penulis mendengarnya daripada teman Yang Berhormat Pehin Mufti itu ketika selesai makan malam di rumah Yang Berhormat Pehin Mufti pada hari Rabu malam Khamis 28/29hb. Ogos, 2013. Kehadiran penulis pada makan malam itu kerana dijemput oleh Yang

<sup>۱</sup> Surah Al-Mujâdalah (58) : 11.

<sup>۲</sup> Surah Yusuf (12) : 111.

<sup>۳</sup> Hadits riwayat al-Baihaqi daripada Abu ad-Darda'.

<sup>۴</sup> Kolej Islam Malaya (Muslim College Malaya) ditubuhkan pada 24hb. Februari, 1955 dengan perhimpunan 55 pelajar dari seluruh Persekutuan Tanah Melayu termasuk Singapura, Brunei Darussalam, Sabah dan Sarawak yang telah dilakukan berjaya dalam Peperiksaan Masuk itu. ([http://ms.wikipedia.org/wiki/Universiti\\_Islam\\_Malaysia](http://ms.wikipedia.org/wiki/Universiti_Islam_Malaysia))

Berhormat Pehin Mufti. Selain rombongan teman lama Yang Berhormat Pehin Mufti dan penulis, yang turut hadir ialah keluarga dan anak menantu Yang Berhormat Pehin Mufti.

Penulis mengetahui ada acara makan malam itu bermula apabila pada petang Rabu 28hb. Ogos 2013, Amin Ser Yang Berhormat Pehin Mufti, iaitu Hajjah Puspa binti Haji Serudin menyampaikan pesan Yang Berhormat Pehin Mufti untuk menjemput penulis ke rumah Yang Berhormat Pehin Mufti untuk makan pada malamnya sempena meraikan rombongan dari Malaysia yang datang melawat Brunei.

Menurut Hajjah Puspa binti Haji Serudin, rombongan ini terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Majlis Universiti Islam Malaysia (MUIM) yang sedang membuat lawatan teknikal di Brunei Darussalam.

Sebaik sahaja penulis tiba di rumah Yang Berhormat Pehin Mufti pada malam jemputan itu dan belum sempat duduk, rombongan pun tiba dengan menaiki sebuah bas mini. Mereka terdiri daripada:

1. Datuk Abd. Manaf Hj Ahmad dan Datin Salmah Othman,
2. Datuk Mohd Nakhaie dan Datin Rusmiati Harun,
3. Dato' Mokhtar Syafii,
4. Dato' Othman bin Desa,
5. Tuan Haji Mohd Fuzi Dahman,
6. Dr. Che Pee Saad,
7. Ar. Wan Burhanuddin Wan Hassan.

Sejurus sahaja rombongan ini turun dari bas, penulis melihat Yang Berhormat Pehin Mufti dan Datin menyambut kesemua mereka dengan penuh kemesraan, kegembiraan dan keriangan yang jarang penulis lihat. Bagi pihak Yang Berhormat Pehin Mufti dan Datin sudah sememangnya selama ini dalam menyambut mana-mana tetamu, penulis melihat amatlah mesra, tetapi oleh kerana mungkin pihak rombongan pada kali ini menunjukkan keakraban yang lebih mesra, maka penulis melihat sambutan Yang Berhormat Pehin Mufti dan Datin juga menunjukkan keakraban dan kemesraan yang jarang penulis saksikan.

Selepas itu, barulah penulis tahu, rupa-rupanya rombongan adalah terdiri daripada beberapa orang teman lama Yang Berhormat Pehin Mufti dan Datin. Iaitu teman-teman rapat mereka berdua semasa belajar di Kolej Islam Malaya, Klang.

Semasa makan, salah seorang anggota rombongan, iaitu Dr. Che Pee Saad asyik bercerita sahaja. Apabila selesai makan, beliau bertambah rancak lagi bercerita. Ceritanya berkisar tentang masa silam mereka di Kolej Islam Malaya dan pengalamannya sendiri selepas mereka berpisah.

Sejak mula bercerita, beliau terus-menerus bercerita ibarat air mengalir dengan gayanya yang tersendiri. Macam-macam cerita yang berlainan topik diluahkan oleh Dr. Che Pee Saad. Penulis belum pernah melihat orang lain yang begitu bergaya dan lancar bercerita kepada Yang Berhormat Pehin Mufti. Penulis kira, hal ini menunjukkan betapa rapatnya mereka dahulu.

Tetapi sayang, di samping kerana loghatnya yang tidak begitu penulis fahami dan penyampaiannya yang melompat-lompat kerana keseronokan bercerita, penulis tidak lagi ingat secara berurut semua ceritanya. Apa yang jelas penulis ingat ialah di penghujung ceritanya itu beliau berkata kepada Yang Berhormat Pehin Mufti: "Apa ulasan Pehin, saya ingin mendengar komen Pehin." Maksud beliau ialah ulasan dan komen tentang apa yang diceritakannya.

Yang Berhormat Pehin Mufti terus menyambut dengan ulasan dan komen menerusi ungkapan kata-kata yang jelas dan mudah diingat.

Yang Berhormat Pehin Mufti mengungkapkan semula secara ringkas pengalaman beliau selama tempoh belajar di Kolej Islam Malaya, Klang dan di Madrasah Al-Junied Al-Islamiyah, Singapura.<sup>5</sup> Kelancaran Yang Berhormat Pehin Mufti mengungkapkannya tidak kurang daripada kelancaran Dr. Che Pee Saad mengutarakan cerita dan pengalamannya itu, cuma ungkapan Yang Berhormat Pehin Mufti lebih tersusun dan terang. Semuanya mudah difahami dan diingat. Kelebihan ini penulis anggap adalah ciri khas yang dianugerahkan Allah Ta'ala kepada Yang Berhormat Pehin Mufti.

Inilah antara lain ulasan dan komen Yang Berhormat Pehin Mufti itu:

---

<sup>5</sup> Madrasah Al-Junied Al-Islamiyah, Singapura diasaskan oleh Allahyarham Syed Abdurrahman bin Junied bin Umar bin Ali Al-Junied pada awal abad ke-20. (Ucapan Mufti Negara Singapura Dr. Mohamed Fatriq Bakaram dalam sambutan ulang tahun ke-85 Madrasah Al-Junied Al-Islamiyah bertempat di Orchid Country Club pada hari Ahad, 3hb. Jun, 2012).

*“Memang kita di Kolej Islam penuh dengan pelbagai aktiviti yang berkait dengan kehidupan selaku penuntut dan saya kira ia sangat bernilai untuk membantu kepada kehidupan kita sekarang. Saya kira kita di Kolej macam satu pemerintahan atau kerajaan kecil. Walaupun susunan dalam pentadbirannya kita tidak namakan menteri, tetapi kita seolah-olah ada menteri kesihatan, menteri ini dan itu. Dalam membentuk kerajaan kecil ini, kita di kolej mengadakan pemilihan ketua-ketua walaupun kita tidak menamakannya pilihan raya. Kita mengadakan kempen menerusi kain perentang. Bangun pagi-pagi kita terkejut melihat ada kain rentang. Yang paling mengejutkan lagi apabila kita terbaca nama kita ada di situ. Kita tidak tahu pun nama kita naik. Habis kempen dan selesai pemilihan, kita tidak mendengar ada bantahan. Semuanya akur dengan hasil pemilihan. Masing-masing menjalankan tanggungjawab dengan aktiviti masing-masing.*

*Kita juga menulis. Kita mengadakan diskusi. Kita mengadakan majlis-majlis ceramah dengan memanggil penceramah, seperti Dr. Mahadhir Muhammad, Ghazali Syafi'e, Prof. Syed Husain Al-Attas dan ramai lagi. Kita mendengar ceramah dengan tekun dan khusyu'. Saya masih ingat lagi seorang penceramah, iaitu Prof. Syed Husain Al-Attas berkata: "Jangan terlalu bercita-cita untuk jadi profesor, nanti kalau dunia ini penuh dengan profesor, susah juga." Kata-kata ini masih saya ingat sampai sekarang.*

Zikrayati:

*YBPD SMPSS Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned Tokoh Yang Saya Kenali*

---

Secara peribadi, saya kira pengalaman saya selama di Singapura telah menjadi asas kepada aktiviti saya di kolej ini. Saya ke Singapura masih kecil, masih budak-budak lagi. Di Singapura semuanya berubah. Kita pun terpaksa turut berubah. Misalnya pagi-pagi lagi kita telah menunggu surat khabar tiba dari semenanjung Malaya. Mastika, Utusan Kanak-Kanak, Utusan Melayu, Berita Harian, Berita Minggu, Gelanggang Filem, Majalah Qalam adalah antara yang kita tunggu-tunggu.

Sebenarnya banyak ilmu dan pengalaman yang saya perolehi di Singapura. Ketika saya masih dikira kanak-kanak lagi, saya telah ke Singapura. Keadaan di sana berubah dari keadaan yang saya alami di Brunei. Ini membawa saya turut berubah, terutamanya dari sudut keterdedahan kepada pelbagai aktiviti keilmuan, penulisan, ceramah, bahkan politik.

*Jadi keterdedahan saya kepada pelbagai bidang inilah yang menjadi pengalaman yang berharga untuk saya bawa ke Kolej Islam Klang pula.”*

Demikian lebih kurang antara sambutan berupa ulasan dan komen dari Yang Berhormat Pehin Mufti yang diminta oleh Dr. Che Pee Saad yang sempat penulis catatkan semula selepas majlis makan malam itu.

Ketika rombongan teman-teman lama Yang Berhormat Pehin Mufti itu bangkit dari tempat duduk masing-masing kerana hendak pulang ke hotel, penulis

melihat Dr. Che Pee Saad mendekati Yang Berhormat Pehin Mufti, lalu mengajak beliau duduk sebentar di satu sudut ruang tamu rumah Yang Berhormat Pehin Mufti. Lalu Dr. Che Pee Saad bercakap dan Yang Berhormat Pehin Mufti mendengar.

Penulis tidak mendengar apa yang dicakapkannya kepada Yang Berhormat Pehin Mufti kerana hanya mereka berdua sahaja di situ dan tempat duduk mereka pula agak jauh dari penulis dan rombongan. Cuma yang dapat penulis perhatikan Dr. Che Pee Saad kelihatan sangat serius bercakap kepada Yang Berhormat Pehin Mufti. Manakala Yang Berhormat Pehin Mufti penulis lihat pula mendengar dengan wajah yang riang berukir senyuman memanjang dengan cara duduk yang agak membongkok ke hadapan dan dengan pandangan yang tertumpu kepada Dr. Che Pee Saad.

Selesai pertemuan itu, Dr. Che Pee Saad berjalan bergegas mendekati penulis, lalu bercakap:

*“Dato sebagai pegawai Yang Berhormat Pehin Mufti, tolonglah bagi tahu kawan-kawan Dato supaya menulis riwayat hidup Yang Berhormat Pehin Mufti.”*

Sambungnya lagi:

***“Seribu satu payah dicari orang macam Yang Berhormat Pehin Mufti ini. Jadi jangan sia-siakan peluang ini sebelum terlambat.***

Dalam keadaan kesuntukan masa kerana ahli rombongan sudah pun mahu melangkah keluar dari

rumah Yang Berhormat Pehin Mufti untuk menaiki bas, dengan ringkas penulis bercakap kepadanya: “*Alhamdulillâh*, sebenarnya saya sendiri telah lama mengumpul bahan-bahan penulisan riwayat Yang Berhormat Pehin Mufti dan saya telah mula menuliskannya, tetapi secara perlahan.”

Kata-kata Dr. Che Pee Saad “*seribu satu payah dicari orang macam Yang Berhormat Pehin Mufti ini*” dan “*jadi jangan sia-siakan peluang ini sebelum terlambat*”, sangatlah menggugah hati penulis. Penulis katakan begitu kerana sebelum penulis mendengar kata-katanya ini, penulis sendiri telah pun lama menganggap Yang Berhormat Pehin Mufti seperti apa yang dikatakannya dan penulis telah lama memendamnya. Bahkan anggapan “susah dan payah mencari orang macam Yang Berhormat Pehin Mufti”, sekali-sekala penulis telah meluahkannya kepada orang lain.

Luahan ini pernah penulis utarakan di hadapan beberapa teman dan sahabat penulis ketika bercerita-cerita dengan mereka, khususnya tentang ketokohan, dakwah dan masa depan Islam di Negara Brunei Darussalam. Dari sudut mana susah dan payahnya? Ya, banyak sudutnya; dari sudut kemahiran mengolah bahasa dan kepetahan bercakap, dari sudut kerajinan bekerja dan kesibukan, dari sudut kerajinan menulis dan berkarya, dari sudut kemesraan dan pengasihan, dari sudut murah hati dan suka menolong, dari sudut kecintaan kepada Al-Qur'an dan perubatan, dari sudut kecintaan kepada Raja semasa senang dan susah dan lain-lain.

Selepas mendengar permintaan Dr. Che Pee Saad itu, maka semangat dan hasrat penulis bertambah mekar dan ghairah untuk menulis lagi tentang apa yang penulis cakapkan kepada Dr. Che Pee Saad itu, iaitu menulis zikrayat penulis yang berkaitan dengan pengenalan penulis terhadap Yang Berhormat Pehin Mufti. Cuma oleh sebab penulis sebagai seorang pegawai kerajaan, waktu untuk itu adalah terhad. Masa menuliskannya mesti penulis hadkan. Iaitu apabila ada masa yang terluang sahaja. Sebagaimana juga dalam penulisan-penulisan yang lain, penulis tetap mengutamakan kerja rasmi pejabat, sama ada di pejabat sendiri ataupun di luar masa pejabat di rumah.

Kemekaran semangat dan ghairah itulah antara faedah yang penulis perolehi daripada jemputan Yang Berhormat Pehin Mufti ke rumah beliau untuk makan malam sempena meraikan rombongan beberapa orang teman lama beliau pada akhir bulan Ogos 2013 itu.

Dengan *taufiq* Allah Ta'ala, semangat dan ghairah ini membawa penulis membuka fail-fail catatan penulis yang berkaitan dengan Yang Berhormat Pehin Mufti yang telahpun penulis tulis selama ini dalam pelbagai tajuk. Tetapi apabila penulis membacanya semula, catatan itu belum ada yang lengkap sepenuhnya. Bahkan sebahagiannya hanya ada tajuk tanpa isi. Walaupun begitu, dengan memohon *taufiq* dan *hidayah* Allah Ta'ala, penulis berazam akan menyempurnakannya sekiranya ada waktu yang mengizinkan. *Insyâ' Allah*.

Seiringan dengan itu, kebetulan penulis mengambil sebahagian cuti daripada baki cuti penulis yang masih ada selama dua minggu pada pertengahan bulan Disember, 2013 sehingga akhir bulan. Kebetulan juga pada masa itu tidak ada *homework* pejabat penulis, maka penulis pun luangkan masa cuti itu memulakan penulisan hasrat penulis itu, tetapi hanya lebih kurang tujuh puluh muka sahaja yang sempat penulis tuliskan ketika itu. Kemudian penulis tambah sedikit demi sedikit apabila ada masa yang terluang, terutamanya selepas masa pejabat dan semasa cuti awam dan cuti mingguan.

## **Sebab dan Tujuan**

Antara sebab-sebab penulis menuliskan zikrayat pengenalan penulis terhadap Yang Berhormat Pehin Mufti ini kerana penulis suka kepada ulama dan suka membaca sejarah hidup mereka. Sejak dahulu sehingga sekarang, penulis masih membaca sejarah hidup mereka.

Sejarah hidup yang paling penulis minati ialah sejarah ketua segala ulama, iaitu Rasulullah *Shallallâhu 'alaihi wasallam* dan *anbiyâ'*. Diiringi kemudian oleh orang-orang *shâlihîn* dan ulama-ulama lain.

Semenjak kecil penulis memang selalu membaca sejarah dan akhirnya meminatinya. Antara sejarah yang selalu diulang-ulang membacanya pada masa itu ialah terjemahan sejarah perjuangan Sayyidina 'Umar *Radhiallâhu 'anhu* tentang penaklukan negeri Syam dan negeri Iraq.

Minat penulis ini telah mekar dan *insyâ'* Allah akan terus mekar kerana sejarah mereka penulis rasakan sangat berguna kepada kehidupan yang penulis lalui, khususnya apabila penulis menemui atau menghadapi sesuatu, apalagi yang berbentuk cabaran. Ingatan penulis akan menjelma dan menayangkan apa yang pernah penulis ketahui daripada sejarah hidup mereka dalam perkara yang sama dengan yang sedang penulis temui dan hadapi. Ertinya, sejarah hidup mereka dapat dijadikan bahan *i'tibâr*, penawar dan pemandu dalam banyak perkara.

Jadi tujuan utama penulis menulis zikrayati sebahagian daripada sejarah hidup Yang Berhormat Pehin Mufti, khususnya yang diasaskan kepada pengenalan penulis terhadap beliau ini ialah supaya ia menjadi *i'tibâr*, penawar, panduan dan ingatan kepada penulis sendiri dan keluarga. Juga untuk menambah khazanah bahan renungan bagi sesiapa yang membacanya.

## Tajuk

Pada mulanya kandungan kebanyakan fail yang penulis sebutkan di atas adalah sebahagian dari fail episod-episod kenangan (zikrayat) peribadi penulis yang penulis catatkan selama ini. Antara fail-fail ini pula ada yang penulis khususkan sebagai episod catatan kenangan (zikrayat) penulis selama ini bersama Yang Berhormat Pehin Mufti yang penulis tambah dari semasa ke semasa. Jadi sebagai zikrayat penulis, maka material kandungan fail-fail ini berpunca daripada zikrayat peribadi penulis.

Kemudian setelah penulis membaca dan menuliskannya semula, penulis menokok tambah dan mengaitkannya dengan lebih banyak lagi tentang apa yang penulis lihat dan ketahui daripada perjalanan hidup Yang Berhormat Pehin Mufti.

Adapun perkara yang penulis kaitkan itu semuanya adalah perkara yang baik-baik saja dan ia hanya berkisar dalam konteks apa yang penulis *lihat* dan *ketahui* tentang sebahagian kehidupan beliau. Berdasarkan apa yang penulis lihat dan ketahui itu pula penulis jadikan alasan pengenalan penulis terhadap Yang Berhormat Pehin Mufti.

Tetapi dalam beberapa perkara daripada apa yang penulis lihat dan ketahui itu, penulis yakin Yang Berhormat Pehin Mufti tidak bersetuju sepenuh hati untuk didedahkan walaupun kesemua perkara itu perkara yang baik dan bukan aib, seperti kesukaan beliau menolong dan membantu, murah hati beliau bersama contoh-contohnya, pengasihan beliau dan lain-lain yang mungkin beliau sendiri telahpun melupakannya dan tidak akan mahu mencatatkannya sekiranya beliau sendiri yang menulis zikrayat beliau kerana sebagai orang berilmu, beliau pasti takutkan riya' dan takbur serta kerana tidak suka mengungkit-ungkit kebaikannya sendiri,<sup>6</sup> bahkan mungkin takutkan ia menjadi elemen kepada penyucian diri.

---

<sup>6</sup> Sila baca nota kaki 276 (pesan guru: 2 ingat dan 2 lupakan) pada bahagian “v. Hutang: Tak Payahlah Tulis.”

Keyakinan penulis itu terhadap beliau samalah dengan ketidaksukaan penulis mencatatkan sendiri kebaikan penulis jika sekiranya ada. Namun di sini, yang mencatatkannya bukanlah beliau, tetapi orang lain.

Sabda Rasulullah *Shallallâhu 'alaihi wasallam*:

لَا تُنْزِكُوا أَنفُسَكُمْ ، اللَّهُ أَعْلَمُ بِأَهْلِ الْبَرِّ مِنْكُمْ .<sup>7</sup>

**Maksudnya:** *Jangan kamu sucikan diri kamu sendiri. Allah lebih mengetahui ahli kebajikan daripada kamu.*

Jadi penulis mencatatkan perkara-perkara itu bukanlah untuk menyucikan Yang Berhormat Pehin Mufti tetapi ialah bagi menghormati dan menghargai sifat dan sikap beliau serta untuk dijadikan bahan sejarah, penawar dan *i'tibâr*.

Dalam masa yang sama, penulis yakin juga bahawa beliau telah mengetahui kebaikan-kebaikan para ulama zaman silam menerusi catatan yang telah dicatatkan oleh orang lain. Contoh yang paling agung ialah kebaikan Rasulullah *Shallallâhu 'alaihi wasallam* dalam banyak perkara, begitu juga kebaikan-kebaikan para sahabat dan ulama-ulama telah diabadikan di dalam catatan orang lain. Jika bukan kerana keberanian orang lain mencatatkannya, tentu saja kebaikan, ibadat, sedekah dan ihsan Rasulullah *Shallallâhu 'alaihi wasallam* dan para ulama itu tidak akan kita ketahui.

<sup>7</sup> Hadits riwayat Muslim daripada Muhammad bin 'Amr bin 'Atha'.

Tujuan orang lain mengabadikan dengan menuliskan semula kebaikan-kebaikan mereka itu hanyalah satu, iaitu supaya orang lain, terutamanya generasi yang selepasnya dapat mengetahuinya. Dengan pengetahuan ini dapat pulalah mereka menjadikannya sebagai teladan, penawar dan *i'tibâr*.

Tujuan dan matlamat orang lain menuliskan semula kebaikan-kebaikan mereka itu jelas telah dimanfaatkan oleh generasi yang selepas mereka. Bahkan Yang Berhormat Pehin Mufti sendiri sering memanfaatkannya dengan menyebutkannya di dalam ucapan dan ceramah-ceramah beliau.

Jadi berdasarkan tujuan ini, penulis juga memberanikan diri semata-mata kerana Allah Ta'ala untuk mencatatkan "apa yang penulis lihat dan ketahui" daripada sebahagian perjalanan kehidupan beliau semata-mata untuk tujuan itu menerusi tajuk:

**ZIKRAYATI:**

***YANG BERHORMAT PEHIN DATU SERI MAHARAJA  
DATO PADUKA SERI SETIA DR. USTAZ HAJI AWANG  
ABDUL AZIZ BIN JUNED  
TOKOH YANG SAYA KENALI***

**Sumber**

Antara sumber-sumber dan bahan-bahan yang dijadikan kandungan zikrayati ini ialah:

1. Hasil daripada pengetahuan dan penglihatan penulis sendiri pada diri Yang Berhormat Pehin Mufti serta pengalaman-pengalaman bersama beliau.
2. Cerita Yang Berhormat Pehin Mufti, Datin Hajjah Maznah binti Haji Muhammad dan orang-orang yang penulis percayai.
3. Pandangan orang-orang tertentu yang boleh dipercayai terhadap Yang Berhormat Pehin Mufti.

## Metode

### Mengapa Ada Ungkapan *Zikrayati*?

Di dalam tajuk catatan ini penulis masukkan ungkapan *Zikrayati* yang bermakna “kenang-kenangan saya” kerana:

1. Metode pembentangan kandungan penulisan catatan ini tidak keseluruhannya mengenai perjalanan kehidupan peribadi Yang Berhormat Pehin Mufti. Di sana sini terpaksa dicatatkan juga perkara lain, termasuk yang berkaitan dengan zikrayat peribadi penulis. Umumnya catatan yang berkaitan dengan peribadi penulis ini berfungsi sebagai penyempurna ataupun jalan cerita kepada pengenalan penulis terhadap Yang Berhormat Pehin Mufti itu.

2. Kandungan *zikrayati* ini terdiri daripada dua bahagian. *Bahagian Pertama* mengandungi pengertian biodata dan sejarah hidup, pendapat Yang Berhormat Pehin Mufti mengenai kepentingan penulisan sejarah hidup, biodata dan sekelumit sejarah perjalanan hidup Yang Berhormat Pehin Mufti, termasuk kehidupan keluarga, anak-anak kandung, anak-anak angkat dan menantu-menantu Yang Berhormat Pehin Mufti, juga senario perkenalan penulis dengan beliau dan penubuhan Institusi Fatwa di Brunei Darussalam, serta pengajaran di sebalik pelantikan beliau sebagai Mufti Kerajaan Brunei Darussalam. *Bahagian Kedua* pula mengandungi pengenalan penulis terhadap Yang Berhormat Pehin Mufti.
3. Dalam mengemukakan material pengenalan penulis terhadap beliau dalam Bahagian Kedua, pada umumnya akan dikaitkan dengan keutamaan dan kelebihannya berdasarkan *nash-nash*, pandangan agama atau amali ulama. Seperti bahagian “Pengasihan” dikaitkan dengan kelebihan orang yang bersifat pengasihan. Sesetengahnya pula ada yang dikaitkan dengan amali ulama, seperti “Mencintai Al-Qur'an” dikaitkan dengan contoh amali ulama yang banyak membaca Al-Qur'an seperti amali Imam Abu Hanifah dan “Suka Menolong dan Murah Hati” dikaitkan dengan

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI ISLAM  
SULTAN SHARIF ALI

Zikrayati:  
*YBPDSDPSS Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned Tokoh Yang Saya Kenali*

---

contoh amali mereka seperti Imam asy-Syafi'e *Rahimahumallâh* dan begitulah seterusnya.

4. Bertolak daripada catatan di atas, catatan *zikrayati* ini akan dimulakan dengan Bahagian Pertama dan diiringi seterusnya oleh Bahagian Kedua daripada pengenalan penulis yang dikaitkan dengan apa-apa yang penulis alami, lihat dan ketahui daripada perjalanan hidup Yang Berhormat Pehin Mufti. Sebelum mengakhiri Bahagian Kedua ini dicatatkan beberapa pandangan terhadap Yang Berhormat Pehin Mufti daripada beberapa sahabat dan yang mengenali beliau. Kemudian disudahi dengan analisis pola pemikiran beliau.
5. Metode penulisan kandungannya tidak menggunakan sistem tertentu. Apa yang penulis ingat daripada apa yang pernah dialami, dilihat dan diketahui tentang Yang Berhormat Pehin Mufti, itulah yang terus dituliskan.
6. Pada umumnya pembentangan kandungan catatan *zikrayati* ini tidaklah berbentuk analisis dan tidak pula berbentuk sastera serta tidak digolongkan sepenuhnya sebagai penulisan kreatif, ia hanyalah penulisan biasa-biasa saja.

## Ucapan Mohon Maaf dan Terima Kasih

Mengakhiri Pembuka Kata ini, penulis mengucapkan *أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ* dan menyampaikan:

1. Ke haribaan Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam; kaola hulurkan permohonan maaf di atas kelancangan kaola mencatat dan menuliskan biodata dan perihal sejarah hidup Yang Berhormat Pehin Mufti. Maksud kaola - walaupun kaola bukanlah ahlinya - hanyalah sekadar untuk meneladani ulama zaman silam dalam mengenang jasa dan kebaikan insan yang patut dijadikan *i'tibâr*, penawar dan panduan hidup.
2. Dengan ikhlas hati, penulis mengucapkan *Alhamdulillâh* dan merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Mufti sendiri dan kepada mereka yang sudi menyumbangkan maklumat dan pandangan terhadap Yang Berhormat Pehin Mufti untuk meraikan lagi catatan dan penulisan *zikrayati* sederhana ini. *جزاكم الله خير الجزاء*

Tidak ada yang sempurna melainkan Allah Ta'ala sahaja. Hanya daripadaNya penulis harapkan petunjuk dan *taufîq* dalam menulis dan menyempurnakan kandungan *zikrayati* ini seadanya.

*Zikrayati:*

*YBPDSDPSS Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned Tokoh Yang Saya Kenali*

---

*Wallâhu A'lam.*

Khadam ilmu yang mengharap *taufiq* Allah Ta'ala:

Dato Paduka Dr. Haji Muhammad Nur Lubis bin  
Abd Razak Nur  
1, Simpang 66, Ban 2 A,  
03.02.1435H./06.12.2013M.



**BAHAGIAN**  
**PERTAMA**